

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Harian Metro (Setempat)
Hari/Tarikh: 13/1/2016
Muka surat: 4

Tajuk : UNIMAS raih Anugerah Stephen Leatherwood

UNIMAS raih Anugerah Stephen Leatherwood

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mencipta nama di peringkat antarabangsa apabila berjaya merangkul Anugerah Stephen Leatherwood di Persidangan Mamologi Marin Ke-21 di San Francisco, Amerika Syarikat, Disember lalu.

Anugerah itu diterima melalui kajian mengenai ikan paus dan ikan lumba-lumba di Perairan Santubong yang dilakukan pegawai penyelidik dari Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) UNIMAS,

Cindy Peter.

Cindy, 30, yang berasal dari Kuching menerima anugerah itu selepas kali terakhir dimenangi penyelidikan dari Jepun pada 2013 lalu.

Menurutnya, dia tidak menyangka memenangi anugerah itu kerana pembentangan kertas kerja daripada penyelidik lain yang menyertai persidangan itu juga sangat menarik.

Dia berkata, kajian yang dibentangkannya mengenai pertindihan aktiviti perikanan membabitkan spesies paus dan lumba-lumba di



CINDY

Perairan Santubong, dekat sini.

“Saya bersyukur kerana

kajian yang dijalankan mendapat perhatian panel penilai. Saya berterima kasih juga kepada UNIMAS dan Persatuan Mamologi Marin kerana memberi kerjasama serta bantuan sepanjang penyertaan dalam persidangan itu.

“Anugerah ini satu penghargaan untuk penyelidik muda terutama dari UNIMAS, sekali gus membolehkan IBEC UNIMAS dikenali, selain memperkenankan spesies ikan itu di perairan Sarawak,” katanya.